

27/06/1998

Membetulkan prinsip lapuk Apec di KL

NOVEMBER ini, Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat kali keenam, ketua negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec). Sebagaimana kebiasaannya, Apec bermula dengan mesyuarat pegawai kanan (Som) dan juga menteri. Mesyuarat Som sudah diadakan di Pulau Pinang tidak lama dulu manakala peringkat menteri diadakan di Kucing awal minggu ini. Satu lagi mesyuarat Som dijangka diadakan di Kuantan, September depan bagi membuat persiapan terakhir menyusun agenda mesyuarat Kuala Lumpur.

Walaupun ketua negara Apec sudah bermesyuarat dan mengeluarkan pelbagai ketetapan setiap tahun, Malaysia tetap melihat ia sebagai sebuah kerjasama yang longgar dan tidak mengikat. Lantaran itu, kita masih bertegas bahawa pelbagai perubahan dari segi dasar mesti dibuat mengikut keadaan dan keperluan semasa terutama jika ia hanya menguntungkan negara tertentu saja. Pendirian Malaysia dalam hal ini sangat jelas. Kita mahu melihat Apec hanya dijadikan landasan dan bukan kuasa oleh setiap negara anggota untuk memaksa membuka pasaran bagi faedah bersama iaitu tiada pengecualian kepada sesiapa. Bagaimanapun, kita merasakan semua negara anggota Apec hanya mahu melihat pasaran mereka dibuka ketika dan apabila ia mampu melaksanakannya tanpa sebarang paksaan. Bagi kita, tiada siapa yang boleh mempunyai tanggapan mereka boleh menggunakan Apec sebagai kuasa untuk mendesak bagi membuka pasaran negara lain kerana fungsi kerjasama itu sendiri ditubuhkan adalah untuk faedah bersama. Dengan kata lain, dalam Apec, semuanya adalah dibuat secara sukarela walaupun kita mahu melihat setiap orang berbuat sesuatu untuk kepentingan orang lain.

Anggota Apec kini mencecah 23 negara dan disertai ramai kuasa besar serta yang terbaru ialah Russia. Ada yang melihat kemasukan Russia bagi mengimbangi kuasa Amerika Syarikat, China dan Jepun. Namun, apa pun tindakan masa depan Apec terhadap liberalisasi pasaran yang kemungkinan banyak dipengaruhi kuasa besar itu, kita mahu anggota lain tetap teguh kepada ketetapan bahawa Apec bukan bersifat mendesak. Ini perlu diberikan perhatian kerana usaha ke arah itu semakin jelas kelihatan.

Sehubungan itu, kita melihat dasar Apec perlu diselarikan semula mengikut kehendak dan kesesuaian semasa. Ia tidak boleh berpihak kepada kuasa atau negara tertentu dan tindakan memperbetulkannya mesti dibuat segera. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, Apec perlu menilai semula malah memperbetulkan beberapa prinsip lapuknya yang terbukti tidak boleh lagi digunakan kerana tidak membawa manfaat. Beliau tidak mahu pelaksanaan segala dasar dan prinsip sedia ada itu menghasilkan keputusan berat sebelah. Kita yakin, Apec yang diwujudkan khusus untuk meningkatkan kerjasama ekonomi, dapat menggunakan pendekatan perkongsian bijak dalam mewujudkan hubungan merentasi sempadan agar pasarnya memberi manfaat kepada semua anggota.

Sebagaimana di Bogor, Osaka, Teluk Subic dan Vancouver, kita mahu Apec Kuala Lumpur mengambil satu ketetapan berani untuk memeriksa, mengkaji dan memperbetulkan prinsip yang nampak salah itu. Setiap kalimah dan pernyataan pada mesyuarat ketua negara sebelum ini mesti diterjemahkan pelaksanaannya berasaskan perkongsian bijaksana yang kita rasakan amat sesuai. Kita juga mahu Kuala Lumpur dijadikan platform tegas dan bukan sekali lagi landasan retorik memperbetulkan beberapa perbezaan yang sepatutnya diselesaikan. Tumpuan mesti diberikan kepada usaha menyelesaikan beberapa isu perdagangan dan pelaburan tradisional seperti kemudahan laluan pasaran, langkah tarif dan bukan tarif, liberalisasi

dalam perkhidmatan dan pelaburan terutama cadangan Liberalisasi Awal Sukarela Mengikut Sektor (EVSL). Kita juga mahu Apec Kuala Lumpur memperteguhkan lagi komitmen semua negara anggota bahawa dalam kerjasama itu, setiap program yang mahu dilaksanakan mesti berlandaskan kepada keanjalan, yang mengambil kira peringkat pembangunan negara anggota yang berbeza dan berasaskan usaha terbaik.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, mesyuarat peringkat pegawai dan menteri sebelum ini masih gagal memutuskan isu keanjalan yang berkaitan rancangan EVSL merangkumi sembilan sektor yang diberi keutamaan. Kita tegaskan sekali lagi semua pihak harus mendapat keuntungan daripada liberalisasi, mempermudah dagangan dan kerjasama. Keuntungan sebelah pihak tidak boleh diterima. Ini kerana anggota Apec menerima hakikat hubungan dan kebergantungan ekonomi serantau dan sejagat mempunyai kesan jangkitan kepada ekonomi negara di luar rantau ini.

(END)